

## SIARAN MEDIA

### **BIMB HOLDINGS BERHAD UMUM PBZT KUMPULAN RM313.4 JUTA BAGI SUKU PERTAMA 2021**

#### SOROTAN UTAMA

- Keuntungan Sebelum Zakat dan Cukai ("PBZT") Kumpulan susut 2.6% kepada RM313.4 juta.
- Pulangan Ekuiti Bersih ("ROE") tahunan sebanyak 13.0%.
- Bank Islam merekodkan PBZT bernilai RM214.5 juta.
- Pembiayaan Bersih tahun-ke-tahun ("Y-o-Y") meningkat 9.4%
- PBZT Takaful Malaysia berjumlah RM114.4 juta.

---

**Kuala Lumpur, Khamis, [27 Mei 2021]:** BIMB Holdings Berhad ("BHB") mencatatkan PBZT Kumpulan bagi suku pertama berakhir 31 Mac 2021 ("1Q21") sebanyak RM313.4 juta. Keuntungan bersih menurun sebanyak 2.6% atau RM6.4 juta kepada RM243.8 juta.

Kumpulan BHB juga mencatatkan Pulangan Ekuiti ("ROE") tahunan yang sihat sebanyak 13.0% manakala aset bersih sesaham berada pada RM3.59 setakat 31 Mac 2021.

#### Tinjauan Keseluruhan Kumpulan

Bank Negara Malaysia ("BNM") berpendapat bahawa Keluaran Dalam Negara Kasar ("KDKN") 2021 akan melonjak 6.0% hingga 7.5% berdasarkan peningkatan penggunaan swasta, disokong oleh pelonggaran sekatan pergerakan dan peningkatan sentimen secara beransur-ansur sewaktu pemberian vaskin. Aktiviti pembiayaan oleh industri perbankan merekodkan pertumbuhan yang lebih perlahan, disokong terutamanya oleh sektor bukan isi rumah yang rendah walaupun sektor isi rumah lebih tinggi disumbangkan oleh pertumbuhan kukuh dari pembelian kenderaan. Ujian tekanan menunjukkan bahawa bank-bank di Malaysia perlu terus mengenal pasti pinjaman dengan risiko kredit yang lebih tinggi dan mengetepikan peruntukan tambahan terhadap potensi kerugian di masa hadapan untuk memastikan daya tahan yang berterusan.

Walaupun berhadapan dengan cabaran, pelanggan tetap menjadi keutamaan Bank Islam ketika Bank menyediakan penyelesaian kepada penerima manfaat dan perniagaan. Bantuan Bank adalah dalam bentuk seperti Sadaqa House, program iTEKAD, pembiayaan mikro BangKIT, bantuan pembayaran semula bersasar dipertingkatkan ("ETRA"), dan kemudahan bantuan dan pemulihan bersasar ("TRRF") serta pemberian moratorium automatik kepada pelanggan yang terjejas. Bank Islam berhasrat untuk menerajui penawaran penyelesaian kewangan alam sekitar, sosial dan tadbir urus Syariah ("Shariah-ESG") yang lengkap melalui peranannya sebagai Pengantara Berasaskan Nilai ("VBI") berlandaskan enam objektif strategik - Kesejahteraan Mampan, Budaya Berasaskan Nilai, Pemerkasaan Komuniti, Tumpuan Pelanggan, Ekonomi Sebenar dan Pendigitalan. Dengan Bank tidak lama lagi mengambil alih status penyenaian BHB, Bank Islam akan muncul sebagai institusi kewangan Islam tunggal tulen yang tersenarai di Malaysia. Usaha ini akan meningkatkan ketelusan Bank secara keseluruhan di samping

membuka nilai terpendam baharu bagi para pemegang saham. Penyusunan semula Kumpulan membolehkan Bank dan anak-anak syarikatnya memanfaatkan kekuatan sebagai sebuah Kumpulan dan memberikan penyelesaian kewangan Islam yang lengkap kepada pelanggan sambil terus menarik perhatian dalam aspek perniagaan dan saluran.

Takaful Malaysia telah mengambil langkah penting dan bijak untuk mengukuhkan daya tahan perniagaannya dan menyesuaikan model operasinya dalam menguruskan perniagaan di pasaran yang amat berbeza serta landskap pengoperasian yang dinamik. Takaful Malaysia kekal berwaspada dan berhati-hati dalam menguruskan kos operasi, pertumbuhan perniagaan, dan risiko portfolionya.

Sebagai perintis dan pelaksana awal pengedaran dalam talian dan teknologi digital baharu yang menyokong saluran-saluran pengagihan, kami mampu mengurangkan beberapa cabaran jualan dan operasi yang dihadapi semasa pandemik COVID-19. Keupayaan digital dan teknologi telah membolehkan kami mengekalkan perkhidmatan perniagaan yang lancar kepada semua pengantara jualan, rakan bank dan pelanggan. Kami mempunyai rangkaian produk takaful mampu milik komprehensif dalam talian yang mudah diakses pelanggan, khususnya semasa pandemik COVID-19. Kami telah meningkatkan kehadiran di media sosial untuk membuat jualan silang produk-produk dalam talian, dengan menyasarkan golongan yang tidak mempunyai akses terhadap pengantara bagi jualan bersemuka.

Dalam mengekalkan kedudukan sebagai peneraju pasaran dan menyokong pertumbuhan perniagaan serta tumpuan pelanggan, Takaful Malaysia akan meneruskan strategi-strategi inovatifnya menerusi pelaksanaan strategi digital, penawaran penyelesaian dalam talian dan penyediaan ekosistem digital, meluaskan lagi keupayaan pengedaran, membentuk kerjasama strategik dengan bank-bank Islam terkemuka serta mengadakan inisiatif-inisiatif kesedaran jenama Takaful Malaysia.

### **Perbankan Islam**

Kumpulan Bank Islam ("Bank Islam" atau "Bank") mencatatkan PBZT RM214.5 juta pada 1Q21, susut 3.2% berbanding tempoh sama pada tahun 2020. Penurunan ini disebabkan terutamanya oleh pendapatan bersih lebih rendah yang diimbangi peruntukan bersih pembiayaan terjejas.

Pendapatan berasaskan dana kasar menurun sebanyak RM87.3 juta atau 11.1% berikutan kesan negatif Kadar Dasar Semalaman ("OPR"), walaupun mencapai pertumbuhan pembiayaan Y-o-Y sebanyak 9.4% sehingga mencecah RM55.1 bilion. Pendapatan bukan berasaskan dana juga menurun sebanyak RM65.4 juta pada 1Q21 berbanding tempoh sama tahun lalu, disebabkan terutamanya oleh pendapatan pelaburan lebih rendah.

Bank mencatatkan peruntukan bersih yang dikenakan atas pembiayaan dan pendahuluan terjejas sebanyak RM11.8 juta, berbanding RM30.7 juta pada tempoh sama tahun lalu. Penurunan peruntukan bersih yang dikenakan atas pembiayaan dan pendahuluan terjejas yang lebih rendah adalah disebabkan terutamanya oleh kemerosotan kualiti aset yang rendah susulan pelbagai usaha Bank untuk membantu pelanggan dalam masa yang mencabar ini, seperti ETRA, bantuan bersasar dan juga pemberian moratorium automatik kepada pelanggan yang terjejas.

Dengan Jumlah Nisbah Modal pada 18.9% setakat 31 Mac 2021, Bank Islam berada pada kedudukan modal yang kukuh untuk menyediakan bantuan bersasar kepada pelanggan yang terkesan dan menyokong pertumbuhan perniagaan yang berterusan.

Setakat akhir Mac 2021, deposit pelanggan dan akaun pelaburan berada pada RM61.4 bilion, dengan kenaikan Y-o-Y sebanyak RM5.9 bilion atau 10.7%. Jumlah komposisi akaun semasa dan simpanan dan akaun pelaburan transaksional ("CASATIA") berada pada aras sihat 38.4% daripada jumlah deposit pelanggan dan akaun pelaburan.

Jumlah pembiayaan terjejas kasar pada 31 Mac 2021 adalah sebanyak RM399.1 juta, berbanding RM427.1 juta pada 31 Mac 2020.

## **Takaful**

Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad ("Takaful Malaysia") mencatat PBZT sebanyak RM114.4 juta bagi 1Q21, setara dengan RM114.2 juta yang dicapai pada 1Q20, terutamanya disebabkan oleh penurunan kerugian nilai saksama dari pelaburan dan diimbangi oleh pendapatan bersih yuran wakalah yang lebih rendah. Pendapatan operasi sebanyak RM915.5 juta bagi 1Q21 pula lebih tinggi berbanding dengan RM913.0 juta yang dicatatkan pada 1Q20. Pertumbuhan penjualan yang dihasilkan daripada segmen perniagaan Takaful Am dalam tempoh tersebut membantu mengurangkan penjualan lebih rendah yang dihasilkan daripada segmen perniagaan Takaful Keluarga

Perniagaan Takaful Keluarga menjana sumbangan perolehan kasar sebanyak RM480.8 juta bagi 1Q21, lebih rendah berbanding RM496.3 juta pada tempoh sama tahun lalu, disebabkan jualan lebih rendah dalam produk perubatan kumpulan. Namun begitu, perniagaan Takaful Am merekodkan sumbangan perolehan kasar lebih tinggi sebanyak RM218.0 juta, berbanding RM202.0 juta pada 1Q20. Pertumbuhan itu sebahagian besar disumbangkan oleh kelas motor.

Untuk maklumat lanjut berkenaan BHB, sila layari [www.bimbholdings.com](http://www.bimbholdings.com)

---

## **Mengenai BIMB Holdings Berhad**

BIMB Holdings Berhad ("BHB") adalah Syarikat Pemegangan Kewangan Islam yang pertama yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. BHB diperbadankan di Malaysia pada 20 Mac 1997, dan disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada 16 September tahun yang sama. Anak-anak syarikat utama Kumpulan BHB merupakan pelopor dalam pelbagai perkhidmatan kewangan Islam termasuk perbankan, takaful, dagangan saham, dan lain-lain perkhidmatan berkaitan iaitu Bank Islam Malaysia Berhad, Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad dan BIMB Securities Sdn. Bhd.

---

Diterbitkan oleh: Komunikasi Korporat Kumpulan, BIMB Holdings Berhad

Untuk sebarang pertanyaan, hubungi:

### **Wan Norkhairi Wan Samad**

Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan  
Bank Islam Malaysia Berhad, Level 31, Menara Bank Islam  
No. 22, Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur  
Tel: 03-2782 1232  
Tel. Bimbit: 019-339 4491  
Faks: 03-2781 2998



Emel: [wnorkhairi@bankislam.com.my](mailto:wnorkhairi@bankislam.com.my)  
Web: [www.bankislam.com.my](http://www.bankislam.com.my)

**Omar Atin**

Penolong Timbalan Presiden, Perhubungan Awam,  
Komunikasi Korporat Kumpulan  
BIMB Holdings Berhad, Level 31, Menara Bank Islam  
No. 22, Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur  
Tel.: 03-2781 2943  
Tel. Bimbit: 019-391 9144  
Faks: 03-2781 2998  
Emel: [omar@bimbholdings.com](mailto:omar@bimbholdings.com)  
Web: [www.bimbholdings.com](http://www.bimbholdings.com)